

28 JUN 2001

Mahathir-Tiru

DR MAHATHIR MINTA USAHAWAN MALAYSIA HENTI MENIRU YANG LAIN

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Usahawan-usahawan Malaysia perlu membuang tabiat suka meniru orang lain dalam mengendalikan perniagaan mereka sebaliknya mengeluarkan idea-idea yang berinovatif untuk berjaya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata tabiat meniru rancangan perniagaan orang lain harus dihindarkan kerana ini adalah resipi terbaik bagi kegagalan sebarang perniagaan.

"Kita boleh lihat apabila satu gerai nasi lemak laku, 10 atau 20 gerai nasi lemak akan muncul berniaga di lokasi yang sama, begitu juga dengan kedai-kedai buku...setiap orang akan meniru apa yang lain lakukan," katanya pada majlis penyampaian anugerah Venture 2001, iaitu pertandingan menyediakan rancangan perniagaan Malaysia, di sini.

Beliau berkata negara membangun seperti Malaysia memerlukan rakyatnya dan perniagaannya menghasilkan idea-idea yang berinovatif dengan pada masa yang sama sentiasa meningkatkan idea-idea yang lama.

Menurutnya generasi muda sekarang menanggung beban dalam menghasilkan idea-idea baru terutamanya dalam bidang teknologi maklumat.

"Keluaran sampingan teknologi maklumat memberikan peluang kepada orang muda mengeluarkan idea-idea baik dan idea-idea ini, yang sesetengahnya masih lagi dalam peringkat inkubator, harus dilaksanakan oleh perniagaan-perniagaan yang ada pada hari ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pengetahuan dan idea adalah bahan penting bagi perniagaan masa sekarang untuk berjaya memandangkan idea-idea baru ini dapat membuka laluan bagi perancangan perniagaan yang lebih baik dan lebih menguntungkan.

"Malaysia akan memikat para pelabur asing yang mahu melabur di sini jika mereka melihat rakyatnya mengeluarkan idea dan produk baru untuk dunia," kata beliau.

Beliau juga berkata Malaysia berminat menerokai bidang IT dan telah membelanjakan sejumlah besar wang untuk menubuhkan infrastruktur yang diperlukan.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga menubuhkan pelbagai universiti dan pusat latihan untuk menambahkan lagi bilangan pekerja berpendidikan di negara ini.

Beliau berkata dengan adanya sokongan kerajaan, banyak syarikat yang menyertai bidang IT dan meraih keuntungan menerusi usaha mereka.

-- BERNAMA

SR NZ NAK